

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : LESEN KEDAI SERBANEKA DI DALAM SUNGAI BULOH-KAJANG
MASS RAPID TRANSIT (SBK LINE-MRT)**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan senarai nama kedai serbaneka yang beroperasi di kawasan *concourse* yang merangkumi station-station kawasan Negeri Selangor sahaja.
- b) Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh peniaga untuk mendapatkan lesen perniagaan PBT di kawasan tersebut?
- c) Berapakah jumlah bayaran lesen perniagaan dikenakan bayaran tiap-tiap kedai serbaneka oleh setiap PBT?

JAWAPAN:

a) dan c)

Berikut adalah senarai nama kedai serbaneka yang beroperasi di kawasan *concourse* yang merangkumi station-station kawasan Negeri Selangor dan jumlah bayaran lesen perniagaan dikenakan mengikut PBT masing-masing. Perincian mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Senarai nama kedai serbaneka yang beroperasi dan jumlah bayaran lesen perniagaan yang dikenakan di PBT Selangor

PBT	SENARAI NAMA KEDAI SERBANEKA	JUMLAH BAYARAN LESEN PERNIAGAAN (RM)
MBSA	CIRCLE K (MALAYSIA) SDN. BHD. No. 201A, Stesen MRT Sungai Buloh, Seksyen U19, Shah Alam	- Kadar Lesen Perniagaan bagi keluasan < 500 MP - RM280.00 (Kadar lesen dikenakan mengikut keluasan premis perniagaan tersebut)
MBPJ	Mega Ria Sdn Bhd - Bandar Utama Mega Ria Sdn Bhd - Mutiara Damansara 7-Eleven Malaysia - Surian Mega Ria Sdn Bhd - Kota Damansara Mega Ria Sdn Bhd - Kg Selamat	- RM 160 bagi keluasan di bawah 500 meter persegi - RM 360.00 bagi 501 hingga 1000 meter persegi - RM 600.00 bagi 1001 hingga 2000 meter persegi
MPK	Stesen MRT tiada dalam kawasan MPK	Tiada
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya tidak	Majlis Perbandaran Ampang

PBT	SENARAI NAMA KEDAI SERBANEKA	JUMLAH BAYARAN LESEN PERNIAGAAN (RM)
	terlibat dalam jajaran Sungai Buloh – Kajang Mass Rapi Transit (SBK LINE-MRT)	Jaya tidak terlibat dalam jajaran Sungai Buloh – Kajang Mass Rapi Transit (SBK LINE-MRT)
MPSJ	Kedai Serbaneka 7 Eleven	Aktiviti Kedai Serbaneka a) Tidak melebihi 500m ² – RM200.00 b) Melebihi 501m ² – RM1,000.00 c) 1,001m ² hingga 2,000m ² – RM1,500.00 d) Melebihi 2000m ² – RM2,000.00
MPS	Stesen MRT tiada dalam kawasan MPS	Tiada
MPKJ	7 Eleven MRT Stadium Kajang 7 Eleven MRT Bandar Tun Hussein Onn 7 Eleven MRT Batu 11	RM180.00
MPSp	Tiada	Tiada
MDKL	Tiada	Tiada
MDHS	Tiada	Tiada
MDKS	Tiada	Tiada
MDSB	Tiada	Tiada

b) Berikut adalah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh peniaga untuk mendapatkan lesen perniagaan di PBT:

- i. Salinan Kad Pengenalan / Pasport;
- ii. Syarikat Sendirian Berhad
 - Borang 9 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian);
 - MAA (Memorandum And Articles Of Association) – 1 set;
 - Borang 24 (Pemegang Saham);
 - Borang 49 (Pemilikan Syarikat) **atau** Syarikat Enterprise / PLT;
 - Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan);
 - Maklumat Perniagaan (mempunyai alamat premis dipohon);
 - Maklumat Pemilik Masa Kini atau
- iii. Sijil pendaftaran persatuan pertubuhan atau kelab;

- iv. Perjanjian Penyewaan Premis yang dimatikan setem **atau** Perjanjian Jual Beli **atau** Salinan surat tawaran perjanjian penyewaan (perlu cap pesuruhjaya sumpah);
- v. Lakaran Pelan Lantai Premis;
- vi. Surat rasmi membenarkan wakil bagi permohonan yang di hantar menggunakan orang perantaraan; dan
- vii. Surat sebab tidak memerlukan iklan (bagi premis yang tidak memohon papan iklan).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : ISU PEMINDAHAN LOVER BRIDGE RESTAURANT DAN OCEAN
SEAFOOD RESTAURANT TANJONG SEPAT KUALA LANGAT
SELANGOR**

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk menempatkan semula pemilik-pemilik Lover Bridge Restaurant dan Ocean Seafood Restaurant di Tanjung Sepat, Daerah Kuala Langat, Selangor ke tempat asal selepas jeti siap dibina?
- b) Apakah pembangunan baru yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri supaya lokasi tersebut dapat menarik lebih ramai pelancong melawat di situ?
- c) Berapakah jumlah kos anggaran yang di salurkan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan tersebut dan tarikh siap keseluruhannya pembinaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan pembangunan bagi Cadangan Membina dan Menyiapkan Gerai Makan dan Tapak Rekreasi di Kawasan Jeti Tanjung Sepat seperti di dalam surat dlm.IPK.Sel.8000/AP/05/70Jld.2(55) bertarikh 17.10.17
- b) Pembangunan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut :
 - i) 1 Blok Gerai Makan
 - ii) 1 Blok Ruang Makan
 - iii) 10 Unit Kios
 - iv) 3 Unit Wakaf
 - v) Dataran tempat letak kereta
- c) Jumlah anggaran kos projek adalah sebanyak RM3.2 juta dan dijangka siap dalam masa 18 bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PROJEK PENCEGAHAN BANJIR DI SUNGAI BALAK, KAJANG,
SELANGOR**

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan butir-butir kerja Projek Pencegahan Banjir (*flood mitigation*) di Sungai Balak, Kajang, Selangor.
- b) Sila menyatakan nama Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di atas Projek ini.
- c) Sila menyatakan jumlah kos perbelanjaan terlibat , tempoh masa kerja mula dan tamat serta kawasan-kawasan perumahan yang mendapat manfaat daripada projek ini.

JAWAPAN:

- a) Skop kerja bagi Projek Pencegahan Banjir di Sg. Balak, Kajang Selangor adalah seperti berikut :-
 - i) Menaiktaraf sungai sepanjang 1850m
 - ii) Kerja pengukuhan tebing sepanjang 1850m
 - iii) Membina floodwall sepanjang 250m
 - iv) Dan kerja-kerja berkaitan (seperti membina 'outlet structure' dan menaiktaraf laluan pejalan kaki di jambatan)
- b) Agensi yang bertanggungjawab melaksanakan projek ini adalah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan pemantauan projek oleh JPS Daerah Hulu Langat.
- c) Jangkaan iklan tender adalah pada 7 November 2017 dan tarikh mula projek dijangka pada Februari 2018 dan dijangka siap pada Ogos 2019. Projek ini menggunakan peruntukan pembangunan negeri P13 (Agihan Perbelanjaan 2018). Projek ini diluluskan di bawah peruntukan caruman parit pada 2015 dan projek telah siap direkabentuk pada 2016. Walaubagaimanapun, projek ini tidak dapat ditender kerana kekangan peruntukan disebabkan kutipan caruman parit yang kurang memberangsangkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menggunakan peruntukan P13 dan akan dilaksanakan pada tahun 2018.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

KUTIPAN CARUMAN TAHUN 2016 DAN 2017

BULAN	KUTIPAN TAHUN 2016 (RM)	KUTIPAN TAHUN 2017 (RM)	PERATUS PERBEZAAN (%)
Januari	843,328.55	833,333.88	-1.19%
Februari	332,726.95	916,550.51	175.47%
Mac	3,697,267.03	1,341,396.72	-63.72%
April	3,693,362.03	1,626,431.27	-55.96%
Mei	970,552.90	1,268,585.77	30.71%
Jun	689,266.07	776,651.54	12.68%
Julai	1,346,859.68	4,434,675.50	229.26%
Ogos	1,359,519.73	1,747,960.67	28.57%
September	2,336,501.12	4,106,944.15	75.77%
Oktober	1,494,871.05	1,068,683.44	-28.51%
November	1,465,759.27		
Disember	1,933,706.02		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : GARIS PANDUAN *GATED AND GUARDED* DI TAMAN PERUMAHAN DI
BAWAH KAWALAN PBT**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila membekalkan garis panduan terbaru untuk mewujudkan Program *Gated and Guarded* di kawasan taman perumahan untuk Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).
- b) Sila menyatakan senarai nama pertubuhan/ persatuan yang mendapat kelulusan mengadakan Program *Gated and Guarded* di kawasan DUN Balakong di bawah kawal selia Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).
- c) Adakah Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) meluluskan permohonan Pesatuan Penduduk-penduduk Bandar Damai Perdana 2 bagi tujuan mengadakan Program *Gated and Guarded* di Seksyen 7, Seksyen 9 dan Seksyen 10, Bandar Damai Perdana, Cheras, Selangor dengan menempatkan pondok-pondok pengawal di sebahagian rezab jalan dan juga penutupan jalan awam?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Kajang menggunakan Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil 1 Tahun 2016 – Garis Panduan Skim Perumahan Berpengawal (*Guarded Community*) di Negeri Selangor (Penambahbaikan 2016).

Majlis Perbandaran Klang menggunakan Garis Panduan Perumahan Berpagar & Berpengawal (G&G) & Komuniti Berpengawal Majlis Perbandaran Klang telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPK Bil. 5/2013 pada 7.3.2013 dan dipinda (ditambahbaik) pada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPK bil. 20/2017 pada 23.10.2017.

Majlis Bandaraya Shah Alam menggunakan Garis Panduan Permohonan Skim Komuniti Berpengawal (*Guarded Community*) Majlis Bandaraya Shah Alam Edisi Kedua Tahun 2017.

b) Senarai kelulusan Gated & Guarded Community di DUN Balakong

Bil	Nama Taman
1.	Taman Tun Perak, Cheras
2.	Taman Seri Damai
3.	Taman Sri Bahagia, Cheras
4.	D-Exotica Bandar Damai Perdana Fasa 16
5.	Taman Damai Impian, Cheras
6.	Taman Seri Belimbing, Cheras
7.	Bayu Parkville, Taman Balakong Jaya
8.	Taman D'infiniti Damai Perdana
9.	Taman Puncak Saujana
10.	Taman Impian Indah, Balakong
11.	Avenue 4, Lake Valley, Bandar Tun Hussein Onn

- c) Pelaksanaan Gated & Guarded Community di Seksyen 7, Seksyen 9 dan Seksyen 10, Bandar Damai Perdana, Cheras tiada kelulusan MPKj kerana kelulusan sediaada telah tamat tempoh pada tahun 2011. Pihak Majlis telah mengeluarkan notis kepada Persatuan Penduduk arahan merobohkan pondok pengawal dan mengemukakan permohonan "Guarded Community" kepada MPKj.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PENANGKAPAN ANJING LIAR DI SETIAP PBT

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *Standard Operating Procedure* (SOP) yang harus diikuti oleh setiap PBT untuk melakukan operasi tangkapan anjing liar di kawasan pentadbiran masing-masing?
- b) Sila menyatakan jumlah operasi tangkapan yang telah dijalankan oleh setiap PBT bagi tahun 2015, 2016 sehingga bulan Oktober 2017.
- c) Apa yang akan dilakukan oleh setiap PBT jikalau anjing liar yang tidak dituntut dalam tempoh masa yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *Standard Operating Procedure* (SOP) yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2014, berkenaan Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diedarkan kepada semua PBT melalui surat bertarikh 4 Mac 2015.
- b) Jumlah keseluruhan operasi tangkapan yang telah dijalankan oleh setiap PBT bagi Tahun 2015, 2016 hingga bulan Oktober 2017 adalah sebanyak 6,745 operasi. Perincian jumlah operasi tangkapan mengikut PBT-PBT adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH OPERASI TANGKAPAN		
	2015	2016	SEHINGGA OKTOBER 2017
MBSA	320	320	220
MBPJ	352	314	236
MPK	300	300	250
MPAJ	187	205	159
MPSJ	225	428	367
MPS	12	12	10
MPKj	350	348	300

PBT	JUMLAH OPERASI TANGKAPAN		
	2015	2016	SEHINGGA OKTOBER 2017
MPSp	145	193	163
MDKL	35	12	10
MDHS	168	168	168
MDKS	147	226	89
MDSB	2	2	2
JUMLAH KESELURUHAN	2,243	2,528	1,974

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

- c) Merujuk kepada, para 4.3 (iii), Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2014 iaitu bagi anjing liar yang ditangkap akan disimpan selama dua (2) hari, manakala anjing yang mempunyai pemilik disimpan selama tujuh (7) hari. Sekiranya tiada tuntutan dibuat, berdasarkan kepada para 4.5 (ii), anjing-anjing hendaklah dilupuskan dengan cara suntikan dan disahkan mati oleh Pegawai Veterinar atau mana-mana pegawai di PBT terlatih dan telah diturunkan kuasa oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) (merujuk Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR DI SETIAP PBT

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan kos-kos penyelenggaraan Bas Smart Selangor yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri di setiap PBT sejak kemudahan ini diperkenalkan.
- b) Sila menyatakan jumlah bilangan Bas Smart Selangor di setiap PBT yang sedang dalam perkhidmatan.
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mempromosikan perkhidmatan percuma ini di kawasan luar bandar, khususnya daerah Kuala Langat, Sabak Bernam dan Hulu Selangor memandangkan sambutan penumpang kurang baik?

JAWAPAN:

- a) Kos bagi pelaksanaan Bas Smart Selangor sejak tahun 2015 hingga 2017 adalah sebanyak **RM43 juta**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM34 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengurus serta memantau perkhidmatan Bas Smart Selangor yang dikendalikan oleh syarikat operator perkhidmatan bas yang dilantik, manakala sebanyak RM9 juta adalah daripada peruntukan PBT sendiri. Kos yang ditanggung sebanyak RM800.00 sehari bagi sebuah bas merupakan kos penyewaan yang merangkumi kos pengurusan dan penyelenggaraan bas. Oleh itu, tiada kos pembelian bas oleh Kerajaan Negeri manakala kos penyelenggaraan adalah termasuk di dalam kos penyewaan yang menjadi tanggungjawab sepenuhnya syarikat operator bas yang dilantik.
- b) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 dengan sebelas (11) buah bas di tiga kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) kini telah berjaya diperluaskan ke sebelas kawasan PBT yang lain di Negeri Selangor, kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mempunyai perkhidmatan bas percuma dikenali PJCitybus. Dalam tempoh dua tahun pelaksanaan, Bas Smart Selangor kini mempunyai 30 laluan dengan 100 buah bas. Jumlah Bas Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

Bil.	PBT	JUMLAH LALUAN	JUMLAH BAS
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	5	22
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	4	16
3.	Majlis Perbandaran Klang	2	8
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	3	11
5.	Majlis Perbandaran Kajang	3	8
6.	Majlis Perbandaran Selayang	2	10
7.	Majlis Perbandaran Sepang	3	10
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	2	4
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2	4
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	3
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2	4
JUMLAH		30	100

Manakala bagi PJ City Bus yang dibiayai sepenuhnya oleh MBPJ, sebanyak 22 buah bas telah disediakan bagi empat (4) laluan seperti berikut:

LALUAN	BILANGAN BAS
PJ01	10
PJ02	4
PJ03	4
PJ04	4
JUMLAH	22

- c) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memastikan perkhidmatan Bas Smart Selangor mendapat hebahan yang meluas di kawasan-kawasan yang dilalui termasuk di kawasan luar bandar seperti daerah Kuala Langat, Sabak Bernam dan Hulu Selangor. Antara promosi perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah melalui pemakluman di dalam laman web, edaran bahan-bahan promosi seperti brosur dan risalah laluan serta *bunting* dan *pole* di setiap hentian bas. Hebahan ini turut mendapat kerjasama daripada pemimpin tempatan terutamanya Ahli-ahli Majlis untuk mempromosikan Bas Smart Selangor di kawasan masing-masing. Selain itu, majlis pelancaran dan perasmian laluan turut diadakan bagi memperkenalkan laluan Bas Smart Selangor di setiap kawasan yang terlibat, secara tidak langsung telah dapat mempromosikan laluan-laluan Bas Smart Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : HUB PENGANGKUTAN

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butiran terperinci sebarang analisa kos faedah dalam segala aspek bagi Selangor dengan penubuhan terminal bersepadu pengangkutan seumpama di Gombak, sebarang cadangan membina lebih banyak hub pengangkutan sebegitu dan anggaran kos pembinaan secara purata.

JAWAPAN:

- a) Pembinaan Terminal Bersepadu Gombak (ITT) merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang bertujuan untuk menampung perkhidmatan bas ekspres bagi koridor Timur serta membolehkan pengalihan lebih daripada 400 buah bas daripada memasuki kawasan pusat perdagangan. Lokasi ITT Gombak dipilih berdasarkan kepada kebolehcapaian pelbagai mod yang mudah terutamanya ke stesen LRT Gombak.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan, iaitu butiran terperinci analisa kos dan sebagainya seperti yang dimohon. Kerajaan Negeri juga belum mempunyai perancangan untuk melaksanakan pembinaan hub pengangkutan sebegitu berdasarkan faktor kewangan Negeri yang terhad bagi kegunaan projek-projek yang lebih penting dan perlu diutamakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PRESTASI BELANJAWAN

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian prestasi tahunan belanjawan dan kewangan setiap pihak berkuasa tempatan di Selangor sejak 2014 hingga terkini di samping falsafah, pendekatan dan tumpuan belanjawan masing-masing serta semua pencapaian berkaitan prinsip-prinsip urus tadbir yang baik.

JAWAPAN:

- a) Prestasi anggaran belanjawan PBT bagi tahun 2014 sehingga 2017 adalah berada di tahap yang membanggakan berdasarkan perbandingan anggaran yang dibuat dengan perbelanjaan serta kutipan hasil sebenar. Perincian prestasi tahunan PBT adalah seperti di Lampiran A. Bagi tahun 2017, perbandingan masih belum dapat dilakukan berikutan masih terdapat lagi tiga (3) bulan sebelum tahun kewangan 2017 berakhir.

Tumpuan dan falsafah PBT juga tidak berbeza dengan falsafah dan keutamaan yang diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam merangka belanjawan tahunan. Penumpuan kepada aspek peduli rakyat melalui pengagihan kekayaan Negeri dengan adil dan sama agar nikmat kemakmuran yang dikecapi oleh Negeri dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.

Sepertimana belanjawan negeri, anggaran belanjawan PBT juga telah memberi penekanan pada belanjawan pembangunan. Dari tahun 2014 sehingga 2017, peratusan perbelanjaan pembangunan iaitu dari 8% ke pada 28.7% bagi memberi lebih tumpuan kepada keperluan masyarakat melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan kemudahan rakyat. Pendekatan penumpuan kepada aspek kebajikan rakyat ini telah menunjukkan kejayaan yang begitu membanggakan sehingga mendapat pengiktirafan di peringkat Kerajaan Persekutuan melalui penilaian PBT Bertaraf Bintang dengan sepuluh (10) PBT mendapat 5 bintang, manakala dua PBT iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam mendapat 4 bintang. Kriteria penilaian ke atas sistem penarafan berkenaan melibatkan pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti serta pandangan penduduk. Penarafan kecemerlangan dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuktikan prestasi yang memberangsangkan di PBT Negeri Selangor.

PRESTASI PENCAPAIAN HASIL DAN PERBELANJAAN BELANJAWAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2014 SEHINGGA 2016

HASIL	TAHUN 2014		PENCAPAIAN %	TAHUN 2015		PENCAPAIAN %	TAHUN 2016		PENCAPAIAN %
	BAJET	SEBENAR		BAJET	SEBENAR		BAJET	SEBENAR	
MBSA	350,640,430.00	547,875,774.00	56.25	460,536,520.00	386,297,782.00	-16.12	434,406,160.00	396,791,990.00	-8.66
MBPJ	304,978,280.00	330,368,995.00	8.33	325,859,200.00	344,967,914.00	5.86	357,182,570.00	375,240,361.00	5.06
MPK	205,393,314.00	234,784,244.00	14.31	202,805,198.00	234,801,930.00	15.78	208,068,985.00	239,810,141.00	15.26
MPAJ	120,000,000.00	145,797,535.00	21.50	128,000,000.00	142,789,559.00	11.55	145,000,000.00	129,364,252.00	-10.78
MPSJ	250,098,100.00	260,103,118.00	4.00	265,662,500.00	274,690,334.00	3.40	293,360,810.00	269,896,181.00	-8.00
MPS	145,952,220.00	150,378,492.00	3.03	155,500,000.00	160,240,474.00	3.05	155,100,000.00	160,603,159.00	3.55
MPKj	180,270,950.00	163,047,923.00	-9.55	182,938,980.00	174,592,188.00	-4.56	189,750,189.00	182,317,020.00	-3.92
MPSp	92,442,400.00	178,291,168.00	92.87	114,458,960.00	134,853,640.00	17.82	128,000,000.00	146,457,433.00	14.42
MDKL	52,233,489.00	88,515,030.00	69.46	49,097,508.00	85,124,951.00	73.38	69,733,038.00	72,099,845.00	3.39
MDHS	57,637,901.43	78,900,797.00	36.89	66,318,288.00	81,238,540.00	22.50	85,128,579.00	80,301,130.00	-5.67
MDKS	54,414,225.00	65,064,438.00	19.57	49,905,465.00	49,946,445.00	0.08	56,288,265.00	54,994,294.00	-2.30
MDSB	20,830,320.00	22,258,313.00	6.86	19,944,830.00	23,190,379.00	16.27	21,685,310.00	26,178,299.00	20.72
JUMLAH	1,834,891,629.43	2,265,385,827.00	23.46	2,021,027,449.00	2,092,734,136.00	3.55	2,143,703,906.00	2,134,054,105.00	-0.45

PERBELANJAAN	TAHUN 2014		PENCAPAIAN %	TAHUN 2015		PENCAPAIAN %	TAHUN 2016		PENCAPAIAN %
	BAJET	SEBENAR		BAJET	SEBENAR		BAJET	SEBENAR	
MBSA	350,640,430.00	332,698,866.00	-5.12	460,536,520.00	337,927,537.00	-26.62	443,439,940.00	380,598,221.00	-14.17
MBPJ	324,319,890.00	303,913,969.00	-6.29	371,721,460.00	341,340,300.00	-8.17	397,165,900.00	378,090,831.00	-4.80
MPK	205,393,314.00	197,934,321.00	-3.63	202,805,198.00	182,777,679.00	-9.88	211,740,014.00	202,721,152.00	-4.26
MPAJ	120,000,000.00	126,434,248.00	5.36	128,000,000.00	135,585,088.00	5.93	154,000,000.00	157,619,051.00	2.35
MPSJ	250,098,100.00	258,656,736.00	3.42	265,595,160.00	275,040,444.00	3.56	293,360,810.00	269,616,208.00	-8.09
MPS	145,952,220.00	139,766,657.00	-4.24	155,500,000.00	136,121,648.00	-12.46	163,667,970.00	140,242,263.00	-14.31
MPKj	180,270,950.00	156,500,565.00	-13.19	182,938,980.00	157,784,473.00	-13.75	195,030,970.00	166,924,357.00	-14.41
MPSp	92,442,400.00	82,827,603.00	-10.40	114,358,960.00	99,521,060.00	-12.97	127,950,000.00	107,054,070.00	-16.33
MDKL	52,233,330.00	71,358,395.00	36.61	49,097,020.00	67,878,347.00	38.25	86,357,570.00	48,800,138.00	-43.49
MDHS	57,637,901.43	74,242,639.00	28.81	70,652,797.66	53,278,832.00	-24.59	85,128,569.00	79,772,668.00	-6.29
MDKS	53,914,225.00	67,349,151.00	24.92	59,313,670.00	51,028,540.00	-13.97	56,266,570.00	53,895,900.00	-4.21
MDSB	20,830,320.00	21,848,185.00	4.89	22,238,710.00	23,721,499.00	6.67	21,685,310.00	25,934,704.00	19.60
JUMLAH	1,853,733,080.43	1,833,531,335.00	-1.09	2,082,758,475.66	1,862,005,447.00	-10.60	2,235,793,623.00	2,011,269,563.00	-10.04

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian pelan tindakan seterusnya bagi penstrukturan semula industri air Selangor setelah lanjutan kedua untuk memuktamadkan pengambilalihan SPLASH tamat pada 5 Oktober 2017 dan justifikasi kepada rakyat atas kegagalan menyempurnakan semua tawaran berkaitan air yang dibuat dalam manifesto PRU13.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENINGKATAN PENDAPATAN

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pelan tindakan dan strategi terperinci Selangor berdasarkan data 2016 untuk meningkatkan pendapatan isi rumah penengah bernilai RM7,225.00 supaya setanding dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

- a) Menyedari kepentingan bagi membantu rakyat Selangor dalam mencukupkan perbelanjaan isi rumah semasa, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi dalam aspek pembangunan secara seimbang dan holistik supaya kemajuan yang dikecapi dapat sama-sama dinikmati oleh rakyat. Program-program kebajikan yang dilaksanakan sejak tahun 2008 melalui Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) menfokuskan kepada kesejahteraan rakyat bagi memelihara kemaslahatan dan keseimbangan di kalangan penduduk. Program-program ini terbukti berkesan dalam mengurangkan bebanan rakyat dalam menanggung kenaikan harga barang semasa dan membantu menampung kos sara hidup yang semakin meruncing. Kerajaan Negeri percaya program-program ini dapat menyokong usaha untuk menaiktaraf pendapatan isi rumah di samping merapatkan kesenjangan pendapatan dan seterusnya menyumbang kepada kestabilan sosioekonomi di kalangan penduduk. Ini terbukti berdasarkan kepada laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang mendedahkan keseluruhan kadar kemiskinan Negeri Selangor berkurangan daripada 0.2 peratus pada tahun 2014 kepada 0.0 peratus pada tahun 2016.

Berdasarkan keyakinan bahawa kesenjangan pendapatan adalah masalah yang perlu ditangani secara tegas, maka Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah utama antaranya melalui pelaksanaan 43 inisiatif dan insentif di bawah Program IPR dengan enam (6) kluster tumpuan iaitu pendidikan, pekerjaan, perumahan, kekeluargaan, kesihatan dan kebajikan.

Antara program tersebut adalah:

1. **Bas Smart Selangor** yang merupakan perkhidmatan bas percuma mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dengan mengambilkira aspek-aspek seperti pemilihan laluan di kawasan berkepadatan tinggi untuk disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah. Keutamaan laluan adalah di

kawasan yang tiada perkhidmatan bas sedia ada, manakala lokasi tumpuan adalah seperti pusat membeli belah, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan awam.

2. **Skim Hijrah Selangor** yang merupakan skim mikrokredit kepada golongan miskin untuk membantu berhijrah kepada golongan berpendapatan kelas menengah. Sehingga 31 Julai 2017, seramai 38,914 orang telah mendapat manfaat melalui program ini dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM240,385,500.00.
3. **Dana Usahawan Mikro Selangor** iaitu insentif kepada usahawan muda berjumlah RM10,000.00 kepada RM30,000.00 bagi setiap permohonan sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan produktiviti dan pasaran produk yang seterusnya dapat mentransformasikan taraf hidup ke suatu tahap yang lebih tinggi.
4. **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan** yang berbentuk penajaan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil. Program ini dilaksanakan dengan pemberian bantuan peralatan/mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Sehingga 31 Julai 2017, jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 3,264 orang.
5. **Bekalan Air 20m³ Percuma** merupakan insentif Kerajaan Negeri bagi meringankan beban kehidupan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah akibat daripada kadar sara hidup dan inflasi yang tinggi dengan menawarkan air bersih sebanyak 20 meter padu, bersamaan dengan 20,000 liter atau 5,680 gelen, setiap bulan bersamaan RM11.40 secara percuma untuk rakyat. Faedah ini adalah untuk semua tanpa mengira taraf ekonomi, kaum, fahaman politik, asalkan tinggal di Selangor, berhak mendapat air percuma tersebut, setiap bulan. Sehingga 31 Julai 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,354,206,738.00 bagi membiayai bekalan percuma ini.
6. **Skim Peduli Sihat** adalah penyediaan perkhidmatan percuma penjagaan kesihatan untuk 250,000 keluarga atau sejuta rakyat Selangor yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM125 juta setahun bagi skim ini yang diuruskan oleh Selgate Corporation selaku Third-Party Healthcare Administrator. Peruntukan tersebut merangkumi pembiayaan rawatan kesihatan asas

(*primary care*) setiap keluarga yang layak sehingga RM500.00 setahun. Setiap peserta akan menerima kad kesihatan Peduli Sihat yang membolehkan pemegang akaun utama serta tanggungan, isteri juga anak di bawah 21 tahun menerima rawatan doktor (*general practitioner*) di klinik berdaftar menurut had gunaan dan kelayakan ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PEMULIHAN SEKTOR PERTANIAN

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebarang pelan tindakan untuk memulihkan sektor pertanian yang menguncup 6.4% pada 2016, senarai segmen dan hub pertanian terpilih di Selangor bagi jangka masa pertengahan dan panjang serta jumlah pelaburan dan bilangan pekerjaan bakal dicipta.

JAWAPAN:

- a) Tidak dinafikan sektor pertanian menguncup kepada 6.4 peratus disebabkan persaingan dengan sektor-sektor lain dalam bentuk nilai ekonomi. Antara faktor utama menyumbang kepada penguncupan ini adalah persaingan guna tanah dan kekurangan tenaga mahir dalam sektor pertanian. Beberapa strategi telah dirangka dalam Pelan Induk Pertanian Selangor untuk memulihkan sektor ini. Diantaranya mengembangkan kaedah pertanian berasaskan teknologi seperti sistem fertigasi, plant factory dan pertanian dalam bandar. Selain daripada itu, Jabatan Pertanian juga giat melatih belia-belia melalui kursus jangka panjang di pusat-pusat pertanian bagi latihan mekanisasi pertanian dan fertigasi.

Antara segmen dan hub pertanian terpilih yang diberi fokus adalah industri padi, florikultur, tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran terpilih, peningkatan produktiviti kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, pembangunan teknologi dan pembangunan golongan sasaran. Dalam RMKe-11, Sebanyak RM80 juta telah diperuntukkan dalam tempoh 5 tahun bagi pembangunan sektor pertanian dengan sasaran sumbangan sektor agro makanan sebanyak RM200 juta setahun dan 60 usahawan tani dihasilkan setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : DEKLARASI ASET EXCO DAN LANTIKAN POLITIK

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Komitmen Kerajaan Negeri mewajibkan deklarasi aset lengkap secara tahunan oleh Menteri Besar, seluruh barisan EXCO, lantikan politik di kesemua agensi dan anak syarikat negeri serta ahli keluarga terdekat mereka sepanjang tempoh perkhidmatan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor komited menjadikan integriti, ketelusan, urus tadbir yang baik dan institusi yang berwibawa sebagai asas utama pembangunan ekonomi Negeri Selangor. Malah perkara ini telah dibincangkan lebih awal di peringkat Kerajaan Negeri semasa Retreat EXCO pada 14 hingga 16 Mac 2017 dan Kerajaan Negeri telah bersetuju agar semua agensi/ anak syarikat Kerajaan Negeri menandatangani *Integriti Pledge/ Integriti Pact* seperti yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Selain itu, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) juga akan mengisi Borang Pengisytiharan Kepentingan setiap kali Mesyuarat MMKN diadakan dan pengisytiharan kepentingan juga dirakamkan dalam minit Mesyuarat MMKN bagi kertas-kertas yang melibatkan kepentingan AMMKN. Barisan AMMKN juga mengisytiharkan aset mereka di Portal Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.